

Intervensi Kerja Sosial Sekolah dalam Menangani Masalah Sosial Pelajar (School Social Work Intervention to Overcome Social Problems Among Student)

NURZAIMAH ASALAL*, EZARINA ZAKARIA & HARIS ABD WAHAB

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan intervensi kerja sosial sekolah dalam menangani masalah sosial pelajar. Perbincangan adalah berasaskan kepada pembacaan artikel-artikel jurnal dan buku yang berkaitan dengan keberkesanan intervensi kerja sosial sekolah oleh pengkaji dan penulis terdahulu. Amalan kerja sosial dalam setting sekolah bertujuan untuk membantu meningkatkan kefungsian sosial pelajar sekolah yang bermasalah. Intervensi kerja sosial sekolah dilaksanakan dengan melibatkan individu, keluarga, jiran, komuniti dan polisi sosial untuk penambahbaikan sistem persekolahan. Berdasarkan perbincangan didapati intervensi yang diberikan oleh pekerja sosial memberi kesan yang positif terhadap pencapaian akademik dan sosialisasi pelajar yang bermasalah. Keberkesanan intervensi ini menggambarkan kesesuaian amalan kerja sosial sekolah dalam usaha-usaha menangani masalah sosial dalam kalangan pelajar.

Kata kunci: Kerja sosial sekolah, Intervensi, Masalah sosial

ABSTRACT

This article discusses the school social work intervention in addressing social problems among students. This concept paper is based on a reading journal articles and books related to the effectiveness of school social work interventions that have been carried out by previous scholars and writers. Social work practice in school settings can help to improve social problems among students. School social work intervention carried out with involving individual, family, neighbours, community and social policies in improving the school system. Based on discussions of interventions made by social workers, it shows that there is a positive impact on students' academic achievement and their socialization in the society. The effectiveness of this intervention shows that school social work practice is effective and practical as one of the efforts to address social problems among students.

Keywords: School social work, Intervention, Social problems

PENGENALAN

Sekolah merupakan persekitaran sekunder dalam amalan kerja sosial. Amalan kerja sosial dalam latar sekolah telah dilaksanakan di negara Barat sejak pada tahun 1906 lagi (Salazar 2010). Kesedaran untuk mengiktiraf amalan kerja sosial sekolah ini bermula setelah negara-negara Barat mewajibkan pendidikan formal kepada semua warganya sedar akan kewujudan perbezaan budaya dalam kalangan pelajar dan keperluan untuk memenuhi kefungsian sosial pelajar yang bermasalah (Teasley, 2004). Pada ketika itu, pemerintah di negara-negara Barat

telah memahami bahawa bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan kerja sosial sekolah, penglibatan pekerja sosial, keluarga dan komuniti adalah diperlukan. Selaras dengan itu, pihak swasta telah memperkenalkan dua buah rumah penempatan, iaitu Hartley House dan Greenwich House di New York pada 1906 (Amna et al. 2003). Guru pelawat telah ditempatkan di rumah ini dan mereka dihubungkan dengan tiga buah sekolah serta komuniti sekitarnya. Judy (2002) menyatakan bahawa antara aktiviti yang dilaksanakan oleh pekerja sosial pada ketika itu hanyalah untuk membantu pelajar meningkatkan pemahaman mereka dalam bidang akademik dan

menggalakkan pelajar berkomunikasi melalui sesi terapi yang dijalankan.

Selain itu, ibu bapa turut dijemput ke rumah tersebut supaya proses bantuan yang diberikan kepada pelajar bermasalah adalah lebih efektif. Aktiviti pekerja sosial juga menggalakkan pelajar bergerak aktif dengan kerja-kerja komuniti di sekitarnya. Pada ketika itu, Mary Marot yang merupakan salah seorang guru pelawat telah berjaya membentuk sebuah jawatankuasa di rumah ini. Masalah ponteng sekolah pada ketika itu adalah amat kritikal. Namun, setelah guru pelawat ini diwujudkan masalah ponteng sekolah dapat ditangani dan minat pelajar untuk ke sekolah adalah semakin tinggi (Salazar 2010). Kejayaan ini telah menarik minat kerajaan New York untuk menerima sebuah program, iaitu Program Guru Pelawat. Guru pelawat dalam program ini kemudiannya telah dikenali sebagai pekerja sosial sekolah sehingga ke hari ini.

Kesedaran tentang keperluan kerja sosial sekolah juga telah digerakkan oleh Persatuan Pendidikan Wanita di Boston (Costin 1969). Persatuan ini telah memperkenalkan konsep guru pelawat, iaitu lawatan ke rumah pelajar (Salazar 2010). Persatuan telah mewujudkan komunikasi yang baik antara sekolah, iaitu pihak guru dengan keluarga pelajar. Amalan kerja sosial memerlukan guru yang membantu menyelesaikan masalah pelajar di sekolah perlu berkomunikasi dan mengadakan sesi lawatan ke rumah keluarga pelajar. Namun begitu, keterbatasan tugas guru untuk mengadakan lawatan ke rumah pelajar memerlukan pekerja sosial untuk bekerjasama dengan ibu bapa, keluarga dan komuniti setempat bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi pelajar.

Pada peringkat awal pelaksanaan amalan kerja sosial sekolah, para pekerja sosial sekolah juga dikenali sebagai ‘guru istimewa’. Pada waktu itu, urusan penempatan profesional ini di sekolah dikendalikan oleh Pengarah Klinik Psikologi di Hartford. Peranan guru istimewa ini adalah untuk membantu pihak klinik psikologi mengenal pasti pelajar yang bermasalah. Hasilnya, peranan yang dimainkan oleh pekerja sosial sekolah ini telah mampu membantu sesetengah pelajar yang dihubungkan dengan mereka di Hartford.

Perkembangan amalan kerja sosial sekolah ini berlaku dengan pesat pada tahun 1945. Pada

waktu itu, pihak Jabatan Pendidikan Amerika Syarikat telah mengadakan rundingan terbesar bersama golongan pentadbir sekolah, suruhanjaya pendidikan, wakil institusi pendidikan kerja sosial dan kerja sosial sekolah serta pekerja sosial bagi mencadangkan dan merumuskan kualifikasi peranan pekerja sosial sekolah. Rundingan ini telah berjaya membuka ruang kepada amalan kerja sosial sekolah untuk diamalkan bagi membantu pelajar yang bermasalah. Rentetan daripada perkembangan besar bidang kerja sosial sekolah ini telah membawa kepada kejayaan profesi kerja sosial yang kini turut dipraktikkan di negara-negara maju seperti Jepun, Hong Kong, Korea Selatan, New Zealand, dan Singapura (Zulkarnain 2009). Keberkesanan intervensi yang diberikan oleh pekerja sosial telah membawa kepada perkembangan besar amalan kerja sosial di sekolah yang melonjakannya sebagai salah satu profesi yang penting hingga kini di Barat.

Amalan kerja sosial di Malaysia juga bukanlah sesuatu yang baru. Penubuhan Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (MASW) pada tahun 1973 menunjukkan permulaan bagi perkembangan bidang kerja sosial secara profesional di Malaysia. Sejarah perkembangan kerja sosial ini bermula setelah Kementerian Kebajikan Sosial ditubuhkan pada tahun 1964. Kini, kementerian ini dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pihak kementerian yang telah menyedari gejala sosial, tekanan hidup, perubahan sistem sosial dan keruntuhan sistem kekeluargaan yang berlaku dalam masyarakat memerlukan penyelesaian agar masyarakat mampu mencapai kefungsianya (Fuziah & Abd Razak, 2001). Oleh sebab itu, profesi kerja sosial mula mendapat perhatian. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kini sedang giat memartabatkan profesi kerja sosial dengan usaha-usaha untuk mewujudkan Akta Pekerja Sosial dan Piawaian Kecekapan Kerja Sosial. Kerajaan merasakan kewujudan Akta Pekerja Sosial penting bagi meningkatkan keupayaan dan kualiti perkhidmatan sekali gus menjadi garis panduan kepada pekerja sosial dalam memberi bantuan kepada klien. Walau bagaimanapun, cadangan penggubalan Akta Pekerja Sosial baharu sahaja diluluskan di peringkat kabinet pada tahun 2010 dan masih dalam proses untuk diwartakan.

Kini, amalan kerja sosial profesional telah mula dijalankan dalam pelbagai setting di Malaysia. Antaranya praktis kerja sosial pada latar kebijakan, perubatan, jenayah dan komuniti. Walaupun belum ada penempatan pekerja sosial sekolah di Malaysia, tetapi telah diwujudkan Unit kebijakan sukarela yang dibawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (Amna et al. 2003). Unit ini telah membantu pelajar yang terlibat dengan gejala ponteng sekolah, keciciran akademik, penyalahgunaan dadah, kelakuan antisosial, pelajar yang tidak terkawal dan pelajar yang terlibat dalam kes penderaan. Unit ini juga membantu pelajar menyesuaikan diri dan menseimbangkan keperluan antara persekitaran sekolah dan rumah. Amna et al. (2003) menyatakan bahawa proses bantuan yang diberikan oleh unit ini hanya merangkumi sebilangan kecil jumlah pelajar yang terlibat dengan masalah sosial. Jumlah pelajar yang ramai di seluruh negeri dilihat sebagai kekangan utama bagi unit ini dalam memberi bantuan kepada pelajar bermasalah. Akhirnya, pada tahun 1998, unit ini telah dibubarkan dan proses membantu pelajar sekolah yang bermasalah telah diberikan sepenuhnya kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pengambilalihan tugas menyelesaikan masalah sosial pelajar oleh pihak KPM telah menyebabkan proses bantuan untuk pelajar bermasalah beralih peranan kepada tugas kaunselor sekolah dan guru disiplin dengan kerjasama pihak polis serta Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

MATLAMAT KERJA SOSIAL SEKOLAH

Kerja sosial merupakan satu aktiviti profesional yang membantu individu, kumpulan dan komuniti untuk meningkat atau memperbaiki kapasiti diri dalam memenuhi keperluan sosial dan mewujudkan keadaan yang kondusif dalam usaha mencapai matlamat tersebut (Morales dan Sheafor 1998). Oleh itu, pihak International Federation of Social Workers (IFSW) dan International Association of Schools of Social Work (IASSW) menyatakan kerja sosial sebagai

the social work profession promotes social change, problem solving in human relationships and the empowerment and liberation of people to

enhance well-being. Utilising theories of human behaviour and social systems, social work intervenes at the points where people interact with their environments. Principles of human rights and social justice are fundamental to social work” (Zastrow, 1999).

Menurut Haris (2009), pengertian tersebut turut menjadi panduan kepada pekerja sosial di Malaysia dengan mengambil kira faktor kepelbagaian budaya dan sosio-ekonomi setempat. Amalan kerja sosial di Malaysia turut dipandu oleh Dasar Kebajikan Negara (1990) yang menekankan kepentingan peranan kerja sosial dalam mempromosi keharmonian dan kestabilan sosial, memperkuuh serta meningkatkan kefungsian institusi keluarga dan seterusnya melahirkan masyarakat penyayang.

Berasaskan pengertian dan matlamat kerja sosial yang dinyatakan, profesion kerja sosial sekolah diharap dapat membantu pihak sekolah menangani masalah sosial yang mengganggu proses pembelajaran (Bye, et al. 2009; Amna et al. 2003). Pekerja sosial sekolah memberikan perkhidmatan kepada individu, keluarga, kumpulan, komuniti dan sistem yang mempunyai kaitan dengan perkembangan sekolah itu sendiri. Menurut Skidmore (1997), seseorang pekerja sosial itu boleh bekerjasama dengan lapisan individu sosial yang berkaitan dengan perkembangan sistem sekolah mereka termasuklah pengetua, kerani sekolah, guru-guru, kaunselor, pekerja am dan penyelia di jabatan pelajaran peringkat daerah (Skidmore 1997).

Kolaborasi bersama pekerja sosial adalah perlu bagi membantu meningkatkan kefungsian pelajar. Pekerja sosial sekolah perlu bersama-sama pentadbir sekolah untuk mengenal pasti kaedah yang perlu dilakukan oleh pihak sekolah dalam meningkatkan prestasi sekolah. Pekerja sosial sekolah berperanan memberi pengetahuan dan kemahiran yang unik untuk diguna pakai dalam sistem persekolahan. Dalam melaksanakan peranan tersebut, aktiviti pekerja sosial adalah dengan menjalankan penyelidikan terhadap pelajar, guru atau individu-individu lain yang ada di sekolah dan dasar-dasar pendidikan yang sedia ada. Antara peranan yang utama pekerja sosial dalam menjalankan tanggungjawab

sebagai penyelidik adalah menilai keberkesanannya program yang disediakan oleh pihak sekolah dan memastikan kesesuaian pelaksanaannya terhadap pelajar.

Tugas pekerja sosial di sekolah ini bukan sahaja merangkumi aspek perkembangan kefungsian sosial pelajar semata-mata tetapi turut memberi bantuan untuk perkembangan sistem sekolah atau pendidikan (et al. 2000). *School Social Work Association of America* menggariskan tugas pekerja sosial sekolah adalah untuk memenuhi misi akademik melibatkan pelajar, keluarga dan masyarakat sekelilingnya (Dubois et al. 2011). Misi akademik merangkumi sistem atau program-program yang dijalankan oleh pihak sekolah bagi membantu pelajar bermasalah. Shaffer (2006) berpendapat bahawa pihak sekolah dianggap gagal menjalankan kefungsianya jika pelajar tidak dapat mengupayakan diri dengan program sekolah. Oleh itu, pekerja sosial sekolah akan membantu pelajar mencapai kefungsianya sama ada dari segi mata pelajaran, hubungan dengan guru dan rakan, keluarga, masyarakat, persekitaran sekeliling dan sistem atau program-program yang disediakan oleh pihak sekolah.

Secara umum, objektif kerja sosial sekolah adalah untuk memperbaiki atau mengembalikan kefungsian sosial pelajar ke tahap yang maksimum dan lebih berkualiti dengan memberi perhatian kepada persekitaran yang berupaya mengancam kesejahteraan pelajar seperti faktor keluarga, rakan, guru dan komuniti. Amna et al. (2003) menggariskan empat objektif kerja sosial sekolah. Pertama, meningkatkan kemampuan penyelesaian masalah yang melibatkan pelajar di sekolah. Pekerja sosial sekolah perlu memainkan pelbagai peranan bagi bertindak balas dengan masalah yang dihadapi oleh pelajar. Pekerja sosial sekolah perlu bertindak sebagai *enabler*, kaunselor, fasilitator atau *educator*. Penyelesaian masalah oleh pekerja sosial diperingkat ini melibatkan pelajar, keluarga, guru dan rakan sebaya.

Kedua, pekerja sosial sekolah bertindak sebagai *broker*; iaitu menghubungkan individu dengan sumber-sumber lain yang mampu membantu individu untuk mencapai kefungsianya. Masalah yang dihadapi seseorang pelajar mungkin melibatkan sumber di luar bidang pendidikan. Uniknya, pekerja

sosial sekolah boleh membantu menghubungkan bukan sahaja pelajar, malah keluarga pelajar dengan sumber-sumber penyelesaian masalah yang wujud. Contohnya, pekerja sosial sekolah boleh menyalurkan maklumat kepada keluarga pelajar yang menghadapi masalah kemiskinan berkenaan bantuan-bantuan yang boleh diperoleh daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) agar keluarga tersebut mampu mencapai kefungsianya.

Objektif kerja sosial sekolah yang ketiga dan keempat menjurus kepada kefungsian sistem pendidikan dan polisi pendidikan. Pekerja sosial sekolah bertindak sebagai *advocater* dengan meningkatkan keberkesanannya sesuatu sistem pendidikan itu. Contohnya, pekerja sosial sekolah boleh menjalankan penilaian terhadap keberkesanannya Unit Disiplin dalam menangani masalah ponteng sekolah. Pekerja sosial sekolah yang juga bertindak sebagai *researcher* yang dipercayai mampu meningkatkan keberkesanannya sesuatu sistem yang dijalankan oleh pihak pendidikan menerusi penyelidikan yang dijalankan.

METODOLOGI ANALISIS

Artikel berbentuk konsep ini adalah berasaskan pembacaan artikel-artikel jurnal dan buku berkaitan dengan intervensi-intervensi yang telah dijalankan oleh pekerja sosial di beberapa buah negara di barat. Antara intervensi yang dibincangkan adalah kaunseling individu dan kelompok, *outreach*, komuniti, rakan sebaya bilik darjah, rakan sebaya, perunding, terapi main peranan, pemerhatian, *solution focused brief therapy* dan modifikasi tingkah laku. Perbincangan dilakukan berdasarkan kekerapan pekerja sosial sekolah melaksanakan intervensi-intervensi tersebut untuk membantu pelajar berkefungsian di sekolah. Selain itu, berdasarkan kajian lepas perbincangan juga merangkumi keberkesanannya intervensi tersebut dilaksanakan dalam membantu pelajar. Berdasarkan keberkesanannya pelaksanaan intervensi kerja sosial sekolah oleh pekerja sosial tersebut, artikel ini turut membincangkan keperluan pelaksanaan intervensi kerja sosial sekolah dalam konteks Malaysia.

INTERVENSI KERJA SOSIAL SEKOLAH

Salah satu keunikan dalam kerja sosial sekolah adalah intervensi yang dijalankan oleh pekerja sosial dalam menangani masalah sosial pelajar. Intervensi bermaksud proses menolong secara sistematis berdasarkan falsafah, nilai, etika dan kemahiran-kemahiran tertentu (Ezarina 2006b). Terdapat pelbagai intervensi yang dijalankan oleh pekerja sosial sekolah. Namun begitu, artikel ini hanya membincangkan beberapa intervensi, iaitu kaunseling individu dan kelompok, *outreach*, komuniti, rakan sebaya bilik darjah, rakan sebaya, perunding, terapi main peranan, pemerhatian, *solution focused brief therapy* dan modifikasi tingkah laku. Pemilihan intervensi-intervensi untuk dibincangkan dalam artikel ini adalah kerana pekerja sosial sekolah sering menggunakan intervensi tersebut terhadap pelajar bermasalah dan keberkesanan setiap intervensi ini telah banyak didokumentasikan (Kelly et al. 2010a; 2010b; Kelly & Stone 2009; Franklin et al. 2009). Intervensi-intervensi ini dikelompokkan kepada empat bentuk, iaitu kerja kes, kerja kumpulan, komuniti dan intervensi berbentuk terapi.

KERJA KES DAN KUMPULAN

Kerja kes dan kerja kumpulan adalah melibatkan intervensi di peringkat mikro. Intervensi di peringkat mikro bermaksud intervensi yang melibatkan individu dan keluarga. Pada peringkat ini, pekerja sosial perlu bersemuka dengan individu dan membina hubungan yang baik agar pelajar selesa dan mampu berkongsi setiap masalah yang dihadapi. Intervensi pada peringkat ini juga penting kerana penyelesaian masalah yang betul akan bergantung kepada penilaian awal pada peringkat mikro ini. Antara intervensi peringkat mikro adalah kaunseling individu, perundingan, kaunseling kelompok, amalan keluarga, rakan sebaya bilik darjah, dan intervensi rakan sebaya.

Dapatkan kajian Kelly dan Stone (2009) menunjukkan intervensi kaunseling individu sering digunakan oleh pekerja sosial sekolah dalam membantu pelajar bermasalah. Bagi intervensi kaunseling individu, pekerja sosial

akan berhubung dengan pelajar secara bersemuka. Penemuan kajian mereka ini hampir sama dengan penemuan kajian oleh Kelly et al. (2010a; 2010b). Selain intervensi kaunseling individu, pekerja sosial sekolah juga sering menggunakan kaunseling kelompok dalam menjalankan intervensi terhadap pelajar. Dapatkan kajian oleh Kelly dan Stone (2009) juga menunjukkan bahawa pekerja sosial sekolah kerap menggunakan intervensi kaunseling kelompok. Menurut Konopka (1963), kerja kumpulan sebagai satu kaedah kerja sosial yang digunakan untuk membantu individu meningkatkan fungsi-fungsi sosial mereka melalui pengalaman kumpulan yang bermatlamat serta berkeupayaan untuk mengatasi masalah personal, kumpulan dan komuniti (Samir et al. 2009). Biasanya, pekerja sosial akan mengadakan kaunseling secara berkumpulan dengan melibatkan pelajar yang mempunyai masalah dan matlamat yang sama. Pekerja sosial sekolah juga dikenal pasti mempunyai kemahiran yang tinggi untuk menjalankan intervensi ini. Selain itu, hasil kajian juga telah menunjukkan bahawa para pelajar lebih selesa dan mudah menerima intervensi kaunseling individu dan kelompok yang dijalankan oleh pekerja sosial berbanding intervensi-intervensi lain.

Intervensi yang melibatkan keluarga juga merupakan intervensi yang kerap dipilih oleh pekerja sosial sekolah dalam membantu pelajar bermasalah. Hal ini disokong menerusi dapatkan kajian Kelly et al. (2010a) yang menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa dalam membantu pelajar adalah intervensi kedua yang sering digunakan oleh pekerja sosial sekolah. Intervensi *outreach* atau amalan keluarga merupakan intervensi yang digunakan oleh pekerja sosial dalam melibatkan ibu bapa dalam membantu pelajar (Salazar, 2010). Pekerja sosial biasanya mengadakan perbincangan secara langsung bersama keluarga pelajar di rumah mereka. Lawatan ke rumah pelajar sekali gus dapat membantu pekerja sosial mengetahui sama ada terdapat perkaitan antara masalah yang dihadapi pelajar dengan persekitaran keluarga. Selain itu, ibu bapa pelajar juga boleh berjumpa dengan pekerja sosial di sekolah. Hal ini akan memudahkan proses menolong yang dijalankan oleh pekerja sosial sama ada ke atas pelajar maupun keluarganya. Namun begitu, ia

bergantung kepada sejauh mana keluarga terlibat dalam masalah yang dihadapi pelajar.

Dapatan kajian Kelly dan Stone (2009) yang menunjukkan intervensi terapi keluarga agak kurang digunakan oleh pekerja sosial sekolah dalam membantu pelajar di sekolah menengah. Hal ini disebabkan, kajian Kelly dan Stone (2009) yang menunjukkan bilangan kes yang melibatkan keluarga bermasalah adalah lebih sedikit berbanding Kelly et al. (2010a). Walau bagaimanapun, intervensi melibatkan keluarga merupakan intervensi yang penting dalam membantu pelajar bermasalah. Kajian Othman dan Norazmah (2010) menunjukkan bahawa sikap ibu bapa yang tegas atau bersikap autokratik, sibuk bekerja, tiada sokongan sosial dalam ahli keluarga mendedahkan pelajar dengan masalah sosial. Kurangnya interaksi antara pelajar dengan ahli keluarga menyebabkan pelajar kehilangan tempat untuk berkongsi masalah. Pelajar akan cenderung melibatkan diri dengan golongan pelajar yang bermasalah dan sekali gus terlibat dengan gejala sosial. Selain itu, masalah seperti keruntuhan rumah tangga dan penderaan juga pencetus masalah sosial dalam kalangan pelajar. Pelajar akan menghadapi kemurungan dan menjelaskan prestasi akademik mereka di sekolah. Pekerja sosial sekolah perlu melibatkan ibu bapa pelajar kerana masalah yang timbul kemungkinan dipengaruhi oleh keluarga atau persekitaran pelajar (Viggiani, 1996).

Intervensi lain yang digunakan oleh pekerja sosial sekolah dalam menangani masalah sosial pelajar adalah rakan sebaya bilik darjah yang dijalankan terhadap pelajar di dalam ruang kelas sahaja. Allen et al. (2000) menyatakan bahawa satu per tiga masa seorang pelajar dalam sehari adalah berada di dalam kelas mereka. Oleh itu, interaksi di dalam kelas sememangnya memberi impak ke atas seseorang pelajar. Dapatan kajian Kelly et al. (2010b) menunjukkan intervensi ini merupakan intervensi yang ketiga menjadi pilihan pekerja sosial sekolah dalam menyelesaikan masalah pelajar. Leyba (2010) telah menjalankan temu bual terhadap pekerja sosial sekolah berikutkan pemilihan rakan sebaya bilik darjah sebagai intervensi menyelesaikan masalah pelajar. Didapati pekerja sosial sekolah sering menggunakan intervensi ini berikutkan kebolehan pekerja sosial mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara

pelajar bermasalah dengan guru dan pelajar bermasalah dengan pelajar di kelas. Kepentingan intervensi ini dibuktikan dengan keupayaan pekerja sosial sekolah dalam mengenal pasti potensi yang ada pada setiap diri pelajar. Potensi diri ini akan membantu pelajar untuk memperkembang atau membangunkan diri mereka. Kebiasaannya, pekerja sosial akan membuat aktiviti-aktiviti seperti mencungkil bakat pelajar dan menyediakan program-program yang banyak bergantung kepada kreativiti. Program-program seperti menanam bunga di kawasan sekolah, pertandingan memasak dan menunjukkan kemahiran nyanyian, lakonan dan bermain alat muzik di sekolah lazimnya mampu meningkatkan motivasi pelajar supaya rajin datang ke sekolah. Pekerja sosial sekolah perlu terlebih dahulu mengenal pasti kecenderungan pelajar dan menerima keunikan setiap pelajar sebagai individu yang mempunyai potensi diri yang berbeza.

Intervensi lain yang juga sering digunakan oleh pekerja sosial sekolah dalam menangani masalah pelajar adalah intervensi rakan sebaya. Rakan sebaya ialah individu yang paling rapat dan mudah berkongsi masalah dalam kalangan mereka. Oleh sebab itu, rakan sebaya diperlukan bagi membantu pelajar bermasalah. Menurut Leyba (2010), pekerja sosial sekolah mendapati rakan sebaya akan saling bekerjasama dalam membantu ahli mereka. Pekerja sosial sekolah menjalankan aktiviti seperti penubuhan kelab persatuan atau aktiviti sosial dalam kalangan rakan sebaya yang terdiri daripada pelajar bermasalah dan pelajar lain. Mereka akan sama-sama diberi tanggungjawab dan mempunyai peranan masing-masing dalam kelab sosial ini. Selalunya, pekerja sosial sekolah akan mengarahkan ahli kelab sosial ini melaksanakan aktiviti luar sekolah seperti mengadakan pertandingan bermain bola, memasak dan aktiviti-aktiviti yang relevan untuk dilaksanakan. Didapati intervensi ini mampu membantu pelajar bermasalah supaya lebih bermotivasi dan berdisiplin dalam menjalankan tugas yang diberi.

KERJA KOMUNITI

Pekerja sosial sekolah turut membantu pelajar bermasalah di peringkat makro. Intervensi di peringkat makro melibatkan komuniti yang

terdiri daripada masyarakat sekeliling keluarga pelajar, ahli badan-badan profesional, agensi awam mahupun swasta, golongan artis dan ahli politik. Intervensi melibatkan komuniti berbentuk modul atau program yang dilaksanakan sama ada oleh pihak sekolah mahupun pihak luar dengan menggalakkan pelajar aktif dalam aktiviti komuniti. Intervensi pada peringkat makro ini juga memerlukan individu meletakkan dirinya dalam komuniti. Dapatan kajian Kelly et al. (2010a), Allen (2004), Dupper (2003), Reid (2008), Hunter dan Paredes (2008), Kordesh dan Constable (2002) dan Quinn (2007) menunjukkan pekerja sosial sekolah sering melibatkan komuniti dalam membantu pelajar bermasalah.

Penglibatan komuniti adalah perlu dalam membantu pelajar bermasalah berikutan pelajar merupakan golongan remaja dan golongan ini lebih suka terlibat dengan aktiviti-aktiviti atau program melibatkan komuniti. Leyba (2010) telah menjalankan temu bual terhadap pekerja sosial sekolah yang telah menghubungkan komuniti dalam membantu pelajar bermasalah. Hasil daripada temu bual yang dijalankan didapati pekerja sosial melihat kesungguhan pelajar yang bermasalah untuk membantu mangsa bencana alam, mendapatkan dana untuk agensi swasta yang membantu pesakit diabetes dan menderma pakaian dan buku kepada pelajar miskin. Didapati pelajar bermasalah yang melibatkan diri dalam kerja komuniti ini mempunyai perubahan dari segi motivasi, tanggungjawab dan kesungguhan dalam melaksanakan tugas. Tambahan pula, kesibukan pelajar mengisi masa dengan aktiviti komuniti telah mengurangkan kecenderungan mereka untuk terlibat dengan masalah sosial.

TERAPI MAIN PERANAN, PEMERHATIAN PEMBELAJARAN DAN MODIFIKASI TINGKAH LAKU

Bidang kerja sosial juga telah mengadaptasi intervensi dalam bidang psikologi, iaitu terapi terhadap pelajar bermasalah. Amna et al. (2003) memetik laporan latihan pekerja sosial sekolah yang dijalankan di Malaysia. Didapati pelatih pekerja sosial di sekolah telah menggunakan beberapa terapi seperti main peranan, pemerhatian pembelajaran dan modifikasi tingkah laku. Keberkesanan intervensi ini dapat dilihat

berdasarkan perubahan sikap pelajar bermasalah kepada sikap yang lebih baik. Hal ini disokong dengan dapatan kajian Skiba dan Casey (1985) terhadap 41 kajian yang menunjukkan pelajar yang mengambil bahagian dengan rawatan (terapi) menunjukkan perubahan tingkah laku yang lebih baik.

Salah satu terapi yang sering digunakan pada mas kini oleh pekerja sosial sekolah adalah *solution focused brief therapy* yang telah diperkenal dan dikembangkan oleh de Shazer dan Insoo Berg pada 1980-an (Arnold 2003). Terdapat empat prinsip terapi ini yang berbeza dengan terapi lain, iaitu: (1) Terapi ini hanya mengambil lebih kurang lima sesi sahaja oleh pengamal yang berpengalaman, (2) Terapi ini dilakukan ke atas individu berasaskan bukti yang perlunya penyelesaian masalah, (3) Pengamal kepada terapi ini mempunyai kepakaran yang tinggi terhadap penyelesaian yang dilakukan, (4) dan Terapi ini lebih menumpukan masa untuk membangunkan penyelesaian yang sesuai bagi klien.

Terdapat lima teknik utama dalam *solution focused brief therapy*, iaitu *coping question*, *the miracle question*, *the scaling question*, *the therapeutic break*, dan *the prescription* (Arnold 2003). Teknik-teknik ini digunakan agar proses pengenalpastian penyelesaian masalah dapat dilakukan dengan lebih sistematis. Arnold (2003) menyatakan terapi ini sesuai dijalankan ke atas pelajar sekolah menengah kerana pelajar merupakan golongan remaja dan mudah memahami proses-proses penyelesaian masalah yang dihadapi. Pandangan ini telah dibuktikan lebih awal oleh Littrell, Malia dan Vanderwood (1995). Kajian mereka menunjukkan seramai 61 orang pelajar sekolah menengah yang bermasalah kembali berkefungsian sosial setelah berjaya dalam rawatan menggunakan terapi ini. Dapatan kajian ini sama dengan Arnold (2003) yang menunjukkan pekerja sosial sekolah lebih banyak menggunakan terapi ini di peringkat sekolah menengah dalam membantu pelajar bermasalah.

Intervensi pekerja sosial sekolah bukan sahaja pada peringkat mikro dan makro. Pekerja sosial sekolah turut memainkan peranan dalam membantu pelajar bermasalah pada peringkat makro. Intervensi pada peringkat makro lebih

menjurus kepada memperbaiki sistem, polisi dan program yang disediakan oleh pihak sekolah. Pekerja sosial sekolah yang bertindak sebagai penyelidik mampu membantu pihak sekolah mahupun kementerian dalam memperbaiki sistem yang sedia ada. Costin (1969) menyatakan bahawa pekerja sosial sekolah itu perlu bekerjasama dengan komuniti dalam menyediakan program-program sosial yang baharu dan bersesuaian diaplikasikan kepada pelajar bermasalah. Bagi menyediakan program-program membantu pelajar bermasalah ini, pekerja sosial itu perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran, teori dan model yang sesuai agar intervensi yang diberikan sesuai dilaksanakan terhadap pelajar. Pada peringkat inilah kepentingan peranan pekerja sosial sebagai penyelidik untuk mengkaji dan mendapatkan maklumat program yang menepati keperluan pelajar diketengahkan. Sesebuah program yang dirancang menepati keperluan kumpulan sasar pastinya akan mudah diterima dan berjaya mencapai matlamat.

Kepelbagaian intervensi daripada peringkat mikro dan makro ini menunjukkan intervensi kerja sosial sekolah begitu berkesan dalam menangani pelajar bermasalah. Keberkesanan intervensi ini dilihat penting untuk diaplikasikan terhadap pelajar bermasalah di Malaysia. Walau bagaimanapun, intervensi ini hanya boleh dipraktikkan oleh pekerja sosial sekolah terlatih dan profesional. Hal ini selaras dengan piawaian amalan kerja sosial antarabangsa yang mensyaratkan sebarang intervensi kerja sosial perlu dijalankan oleh pekerja sosial yang sudah memperoleh pengetahuan dan kemahiran khusus mengenai intervensi-intervensi ini. Oleh itu, berdasarkan penemuan kajian terdahulu yang menunjukkan keberkesanan intervensi kerja sosial sekolah dilihat relevan untuk dilaksanakan di Malaysia. Hal ini kerana masalah sosial dalam kalangan pelajar yang kian meruncing dan terhadnya peranan kaunselor memerlukan kerjasama antara kaunselor dengan pekerja sosial.

KEPERLUAN AMALAN KERJA SOSIAL SEKOLAH DI MALAYSIA

Kerja sosial sekolah relevan untuk dilaksanakan berikutan masalah sosial yang kian meruncing. Masalah sosial dilihat menerusi tiga aspek utama

iaitu politik, sosial dan ekonomi. Dari aspek politik, sesuatu masalah itu akan dianggap sebagai masalah sosial apabila sebilangan masyarakat yang berpegaruh, sama ada golongan ahli politik, akademik dan golongan yang berkepentingan dan berpegaruh dalam negara menyedari sesuatu isu sosial yang tidak diingini dan perlu tindakan secara kolektif (Siti Hajar 2006).

Dari aspek sosial, sesuatu masalah itu akan dianggap sebagai masalah sosial apabila sebilangan masyarakat merasakan kesejahteraan mereka telah tergugat dan memerlukan perhatian dan penyelesaian (Aisah 2006; Zastrow 2000; Horton 1984). Contohnya isu penagih dadah, isu ini dikategorikan sebagai masalah sosial berikutan penagih dadah bukan sahaja terlibat dengan aktiviti penagihan dadah, malah turut terlibat dengan kegiatan jenayah seperti pecah rumah, meragut dan jenayah-jenayah lain yang menjadikan masyarakat umum sebagai mangsanya. Hal ini telah menggugat kesejahteraan masyarakat dan sekaligus perlu jalan penyelesaian.

Dari aspek ekonomi pula, sesuatu isu itu dianggap sebagai masalah sosial apabila ia mendarangkan impak negatif kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan seseorang individu mahupun negara (Mohd Fadzil & Ahmad 2006; Siti Hajar 2006; Sayed Abdul Rahman, 1996). Masalah sosial bukan sahaja dinilai daripada sesuatu keadaan yang mengugat persekitaran individu mahupun masyarakat, malah harus juga dinilai dari segi ketidakfungsian ekonomi. Masalah sosial juga dinilai dari perspektif kemiskinan, penggangguran dan urbanisasi yang merupakan faktor pendorong kepada kewujudan masalah sosial. Dapat disimpulkan bahawa masalah sosial yang wujud daripada faktor politik, sosial mahupun ekonomi memerlukan tindakan penyelesaian secara kolektif.

Keterlibatan remaja dalam masalah sosial menimbulkan keimbangan dan kegusaran pelbagai pihak apatah lagi jika melibatkan pelajar sekolah. Penglibatan pelajar sekolah dengan masalah sosial dilihat kian meruncing. Perangkaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada tahun 2006 yang menunjukkan seramai 24,840 pelajar terlibat dengan kesalahan ponteng sekolah. Perangkaan KPM pada tahun 2006 juga menunjukkan 18,360 kes dilaporkan melibatkan kesalahan berunsur jenayah seperti

mencuri, mencederakan pelajar, bergaduh dan kes pukul. Perangkaan ini menunjukkan bilangan pelajar agak ramai terlibat dalam masalah sosial. Hashim et al. (2008) menyatakan bahawa seramai 913 orang mat rempit adalah dalam lingkungan umur 16 hingga 20 tahun. Selain itu, Hashim et al. (2008) ada membincangkan sebanyak 1.13 % remaja terlibat dalam kes pembuangan bayi, 40 % menonton bahan lucuah, 16 % berjudi, 70 % merokok, 14 peratus terlibat dengan penagihan dadah, 25 % meminum minuman keras, dan 18 % terlibat dalam seks bebas. Kes-kes yang melibatkan remaja yang masih bersekolah kini bukan sahaja melibatkan kes yang ringan sebaliknya pelajar juga cenderung untuk terlibat dengan kes jenayah.

Masalah sosial yang melibatkan pelajar ini datangnya daripada pelbagai faktor. Selalunya pelajar-pelajar ini ialah mereka yang mempunyai masalah dengan keluarga dan akademik (Ibrahim 1998). Masalah melibatkan keluarga mempunyai perkaitan dengan kemiskinan yang dihadapi. Haris dan Che Azlina (2004) memetik Zuraidah (1992), menyatakan faktor sosio-ekonomi sememangnya penyebab masalah dalam kehidupan individu yang mana puncanya adalah kemiskinan. Sebagai contoh, pesakit mental telah menunjukkan peningkatan pesakit mental daripada tahun 1999 hingga tahun 2000. Tekanan hidup yang dihadapi memaksa individu untuk memperkembangkan atau membangunkan diri mereka sendiri. Namun kegagalan untuk mencapai kefungsian ini menyebabkan individu tidak dapat mengawal dirinya sehingga membawa kepada wujudnya masalah lain. Allen dan Roberts (1995) menunjukkan bahawa kemiskinan keluarga telah mempengaruhi pendidikan kanak-kanak. Kemiskinan bukan sahaja memberi impak kepada ibu bapa, sebaliknya anak juga akan merasa kesannya. Antara kesan yang ketara adalah terjerumusnya pelajar dalam tingkah laku seperti buli, melepak, dan kurang berminat ke sekolah. Amna et al. (2003) yang turut menilai masalah sosial dalam diri pelajar berpunca daripada perubahan sosioekonomi yang membawa tekanan dalam diri remaja sehingga mereka melakukan gejala sosial. Perubahan sosioekonomi bermaksud kemiskinan, urbanisasi, keruntuhan rumah tangga dan kawasan tempat tinggal yang berisiko.

Selain faktor kemiskinan, masalah sosial pelajar juga dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Othman dan Norazmah (2010) dan Teasley (2004b) menunjukkan sikap ibu bapa yang tegas atau bersikap autokratik, sibuk bekerja dan tiada sokongan sosial dalam ahli keluarga mendedahkan pelajar dengan masalah sosial. Kekurangan sokongan daripada ahli keluarga menyebabkan pelajar mudah berkongsi masalah dengan sesiapa sahaja walaupun terpaksa berkawan dengan individu yang sering terlibat dalam gejala sosial. Selain itu, persekitaran sekolah dan sikap guru juga sedikit sebanyak mempengaruhi pelajar yang terjebak dalam gejala sosial. Amalan guru disiplin yang biasanya menggunakan kekerasan dalam menegur pelajar merupakan pendekatan yang kurang berkesan kerana pelajar akan menunjukkan sikap memberontak dan ponteng ke sekolah kerana bosan mendengar ‘leteran’ guru disiplin (Amna et al. 2003). Begitu juga dengan adanya segelintir sikap guru yang suka memandang rendah pada pelajar yang bermasalah menyebabkan mereka akan terus terjebak dan sering memberontak dengan melakukan masalah sosial yang lebih besar. Contohnya pelajar yang memberontak mulai mengugut guru, memukul guru, dan mencalarkan kenderaan.

Masalah yang melibatkan pelajar sekolah bukanlah berpunca daripada individu pelajar itu sendiri sebaliknya persekitaran yang membawa impak besar kepada pelajar untuk terlibat dengan gejala sosial. Persekitaran bermaksud keluarga, jiran, rakan sebaya dan komuniti. Dengan itu, intervensi kerja sosial sekolah yang mencakupi ruang persekitaran ini dilihat berkepentingan untuk dilaksanakan bagi membantu pelajar bermasalah. Begitu juga tindakan penyelesaian masalah sosial pelajar tidak harus diberikan sepenuhnya kepada KPM, kaunselor sekolah, guru disiplin dan agensi-agensi lain sepenuhnya sebaliknya perlu variasi dalam tindakan penyelesaian masalah sosial pelajar seperti melibatkan praktis kerja sosial.

KESIMPULAN

Amalan kerja sosial sekolah adalah bagi mengupayakan pelajar, keluarga, guru, komuniti dan sistem yang mempunyai perkaitan dengan

perkembangan sekolah. Kejayaan intervensi yang diberikan oleh pekerja sosial kepada pelajar bermasalah di barat, memperlihatkan intervensi kerja sosial sekolah mampu menangani masalah sosial pelajar. Franklin et al. (2009) ada menyatakan sebanyak tujuh daripada tiga kajian yang telah dijalankan di barat menunjukkan pekerja sosial mampu menyelesaikan masalah dalam pelajar seperti meningkatkan motivasi pelajar untuk ke sekolah. Manakala 11 daripada tiga kajian yang telah dijalankan menunjukkan kejayaan pekerja sosial dalam menangani masalah luaran pelajar seperti tingkah laku bermasalah buli, kasar dengan guru dan rakan sekelas. Bagi Malaysia, masalah sosial yang melibatkan pelajar bukanlah sesuatu isu yang baharu. Malah kini, masalah sosial melibatkan pelajar semakin menular dan menimbulkan kebimbangan pelbagai pihak. Kemahiran yang ada pada pekerja sosial adalah perlu dalam membantu sistem pendidikan dan pelajar agar mampu mencapai kefungsian sosial mereka. Walaupun terdapat kaunselor, guru disiplin, guru kelas dan agensi-agensi lain yang bekerjasama dengan pihak sekolah seperti polis dan AADK dalam menangani masalah sosial pelajar, namun keperluan intervensi pekerja sosial juga perlu di ambil perhatian. Tindakan kolektif dan kepelbagaian intervensi adalah penting untuk menyelesaikan masalah sosial yang melibatkan pelajar sekolah.

RUJUKAN

- Aisah Sekbong. 2006. Punca Masalah Sosial Remaja Sekolah dan Penyelesaiannya melalui Al-Quran: Kajian di Daerah Gombak, Selangor. Thesis Universiti Malaya.
- Allen-Meares, P. 2004. *Social Work Services in Schools* (4th ed.). Old Tappan, NJ: Pearson Education.
- Allen, M. & Roberts, M. 1995. Public assistance as family policy: closing off options for poor families. *Social Work* 40(4): 559-565.
- Allen, M., Washington, RO & Welsh, BL. 2000. *Social Work Services in Schools* (3th ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Amna Md Noor. 2000. *Keperluan dan Cabaran Masa Depan Praktis Kerja Sosial di Sekolah*. Seminar Kebangsaan Kerja Sosial 1999.
- Amna Md Noor, Rozumah Baharuddin, Abdullah Al-Hadi Muhammed, Tan, J. P. 2003. *Sistem Sekolah dan Sosialisasi Pelajar*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Arnold, D. J. 2003. School Social Workers Perception and Knowledge of Solution Focused Brief Therapy. Master Thesis. California State University.
- Bye, L., Shepard, M., Partridge, J. & Alvarez, M. 2009. School Social Work Outcomes: Perspectives of School Social Workers and School Administrators. *Children & School*. 31(2): 97.
- Chin, P.L., Low, LC & Vivian, L. Y.Y. 2005. *Isu-Isu Masalah Disiplin Pelajar: Pendekatan dan Penyelesaian*. Seminar Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Costin, L. B. 1969. A historical review of school social work. *Social casework*. 10: 440.
- Dubois, B. & Miley, K. K. 2011. *Social Work: An Empowering Profession* (7th eds.). Allyn and Bacon.
- Dupper, DR. 2003. School Social Work: Skills And Interventions for Effective Practice. Hoboken, NJ: John Wiley & Sons, Inc.
- Ezarina Zakaria. 2006. Prinsip kerja sosial. Dalam *Khidmat Sosial Malaysia*, disunting oleh Faizah Yunus Penerbit Universiti Malaya.
- Ezarina Zakaria. 2006. Konsep konflik sosial: satu tinjauan untuk kurikulum kerja sosial. Dalam *Khidmat Sosial Malaysia* disunting oleh Faizah Yunus Penerbit Universiti Malaya.
- Fuziah Shaffie & Abd Razak Abd Manaf. 2001. Pengenalan kerja sosial: Artikel-artikel Pilihan. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Fuziah Shaffie. 2003. Satu tinjauan mengenai latar belakang kerja sosial di Malaysia. Dalam *Pengurusan Perkhidmatan Kerja Sosial di Malaysia*, disunting oleh Zakiyah Jamaludin Penerbit Univesiti Utara Malaysia.
- Franklin, C., Kim, JS., & Tripodi, SJ. 2009. A meta-analysis of published school social work practice studies. *Research on Social Work Practice* 19(6): 667-677.
- Garrett, K. J. 2005. School Social Workers' Evaluation of Group Work Practices. *Children & Schools* 27(4): 247.
- Hairul Aishah Che Mid, Noraini Baharudin, Saleha Muhamad Idham & Nur Zawani Mohd Nawi. 2009. *Masalah dalam Pendidikan dan Kerja Sosial di Sekolah*.
- Hashim Bedu, Khairulhelmi Katip, Mohd Fahmi Mohd Sahid & Syed Mohamed Syafeq Syed Mansor. 2008. *Keruntuhuan Akhlak dan Gejala Sosial dalam Keluarga; Isu dan Cabaran*. Seminar Kaunseling Keluarga.
- Haris Abd. Wahab. 2009. Perkembangan dan Cabaran Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*. 9: 1-18.
- Haris Abd. Wahab, & Che Azlina Che Zan. 2004. Penerimaan keluarga dan masyarakat terhadap pesakit mental. *Manusia dan Masyarakat* 13: 179-200.
- Hunter, R. & Paredes-Mora, R. 2008. Linking community, home, and school. *Social Work in Schools. Principles and Practice*, edited by Openshaw, L New York: Guilford Press.
- Horton, P. B. 1984. *Sociology* (6th ed.). McGraw-Hill.

- Ibrahim Mamat. 1998. *Memimpin Remaja Sekolah: Teori dan Praktik*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. Berita Harian (28 Julai 2008). September 2011.
- Khadijah Alavi, Aizan Sofia Amin, Nasrudin Subhi, Mohd. Suhaimi Mohamad & Norulhuda Sarnon. 2012. Kerja Sosial Di Sekolah: Memahami dan menangani penderaan kanak-kanak. *Social Work at School: Understanding and Dealing with Child Abuse* 7(1): 17-37.
- Kelly, MS., Frey, AJ., Alvarez, M., Berzin, S. C., Shaffer, G., & O'Brien, K. 2010. School social work practice and Response to Intervention. *Children & Schools* 32(4): 201-209.
- Kelly, M.S., Berzin, S.C., Frey, A., Alvarez, M. Shaffer, G. & O'Brien, K. 2010. The state of school social work: findings from the national school social work survey. *School Mental Health* 2: 132-141.
- Kelly, M. & Stone, S. 2009. An analysis of factors shaping interventions used by school social workers. *Children & Schools* 31(3): 163-176.
- Kordesh, R. & Constable, R. 2002. Case management, coordination of services and resource development. Dalam *School Social Work: Practice, Policy and Research Perspectives* (5th ed.), edited by Constable, R., McDonald, S., & Flynn, J. Chicago: Lyceum Press.
- Leyba, E. 2010. How school social workers integrate servise opportunities into multiple elements of Practice. *Children & School* 32(1): 27.
- Littrell, JM., Malia, JA. & Vanderwood, M. 1995. Single-session brief counseling in a high school. *Journal of Counseling and Development* 73: 451-458.
- Mohd Fadzil Che Din & Ahmad Rashid. 2006. *Menangani Gejala Sosial Melalui Pendekatan Psiko-sosial dan Model Alternatif*. Seminar Psikologi Pembangunan Komuniti ISM UKM.
- Othman Johan & Norazmah Mohamad Roslan. 2010. *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh Melaka*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Persatuan Pekerja Sosial Malaysia: <http://www.myasw.org/>
- Quinn, J. 2007. Community schools: new roles for social work practitioners. Dalam *School Social Work: Theory to Practice*, edited by Bye L. & Alvarez, M. Belmont, CA: Brooks/Cole.
- Reid, MJ. 2008. School social work: Engaging the Community. *Children & School*. 30(3): 131.
- Sapora Sipon. 2010. *Profesionalisme Kaunselor Sekolah: Satu Tinjauan*. Psikologi Masyarakat Malaysia Semasa.
- Salazar, L. 2010. *Developments in School Social Work from 1950-2000: An Historical Analysis*.
- Samir Muhamzzab Amin & Winny Abdul. 2009. *Pengantar Kerja Sosial*. Kuala Lumpur Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Sayed A. Rahman Sayed Mohd. 2003. *Pengurusan Perkhidmatan Kerja Sosial ke arah Kecemerlangan. Pengurusan Perkhidmatan Kerja Sosial di Malaysia*.
- oleh Zakiyah Jamaludin Penerbit Univesiti Utara Malaysia.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. 2006. *Kebajikan Sosial: Aplikasi dalam Perkhidmatan Manusia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Skidmore, R. A. 1997. *Introduction to Social Work* (7th eds.). Allyn and Bacon.
- Skiba, R. & Casey, A. 1985. Interventions for behaviorally disordered students: A quantitative review and methodological critique. *Behavioral Ddisorder*. 10: 239-368.
- Shaffer, G. 2006. Promising school social work practices of the 1920: Reflections for today. *Children & Schools*. 28(4): 243-251.
- Teasley, M. 2004. School social worker and urban education reform with African American children and youth: realities, advocacy and strategies for change. *School Community Journal*. 14(2): 19-38.
- Teasley M. 2004. Absenteeism and Truancy: Risk, Protection and best practice implication for school social work. *Children & Schools* 26(2): 117.
- Viggiani, P. A. 1996. *Social Worker, Teacher Collaboration: Intervention Design and Development*. UMI number: 9635942. September 2011.
- Zastrow, C. 2000. *Social Problems: Issues and Solution* (5th eds.). Wadsworth Thomson Learning.
- Zastrow, C. 1999. *The Practice of Social Work* (Sixth Eds.). Thomson Publishing Company.
- Zuraida Abdul Halim. 1992. *Faktor-Faktor Berlakunya Penyakit Jiwa di Kalangan Masyarakat Islam: Suatu Kajian Khusus di Hospital Bahagia Tanjung Rambutan Perak*. Universiti Malaya.
- Zulkarnain A. Hatta. 2009. *School Social Work in Malaysia: Challenges and Prospects*. Universiti Sains Malaysia.
- Nurzaimah Asalal*, Ezarina Zakaria dan
Haris Abd Wahab
Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
50603 Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Malaysia
- * Pengarang Koresponden;
email: nurzaimahasalal@yahoo.com
- Diserahkan : 3 Januari 2012
Diterima : 2 Mac 2013